



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## PEKELILING PENDAFTAR

---

Bilangan 07 Tahun 2016

**TAWARAN PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF  
PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PELAKSANA DI UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA TERENGGANU TAHUN 2016**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA Terengganu yang memenuhi syarat-syarat kelayakan dan sedang berkhidmat untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

**LATAR BELAKANG**

2. Setiap skim perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
- iii. Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan;
- iv. Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- v. Telah menandatangani Surat Aku Janji;
- vi. Telah mengisyiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun; dan

- vii. Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun kebelakang.
- 3. Jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti di Lampiran 1.

## PELAKSANAAN

- 4. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:
  - i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman sesawang UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
  - ii. Permohonan yang tidak lengkap dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta-merta.
  - iii. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
  - iv. Hanya pemohon yang telah disenarai pilih sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaraian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
  - v. Penempatan bagi calon berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti berhak menentukan penempatan bagi calon berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
  - vi. Tarikh tutup permohonan adalah pada 30 Mei 2016.  
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses).

## TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling dikeluarkan pada 13 Mei 2016.

## TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 13 Mei 2016.

AZIDA AZMI  
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Rektor  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit  
Universiti Teknologi MARA Terengganu

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(BGSU/07/2016)